

Tajdid Sains Tauhidik Badiuzzaman Said Nursi dalam Kitab *Rasail Nur*

Bediuzzaman Said Nursi's Approach to Reviving The Tauhidic Science In His Magnificent Book "Risale-I Nur"

Muhammad Widus Sempo¹

ABSTRAK

Terdapat banyak usaha para sarjana Islam untuk mengembalikan semula kejayaan Sains Islam setelah terjadinya dikotomi ilmu pengetahuan. Di antara peneraju utama usaha mulia ini pada abad ke-20 adalah Badiuzzaman Said Nursi. Beliau adalah pembaharu Islam yang banyak membawa perubahan semasa yang diperlukan kehidupan umat Islam ketika itu. Di antara tajdid beliau adalah tajdid sains tauhidik. Oleh itu, makalah ini membincangkan perkara-perkara asas kerangka sains tauhidik Badiuzzaman Said Nursi seperti hubung kait antara al-Quran, Rasulullah S.A.W dan alam semesta, hubung kait antara sains dan Asmaul Husna serta epistemologi baharu Badiuzzaman Said Nursi yang menggunakan pendekatan makna ismi dan makna harfi dalam mengaitkan setiap benda dengan alam ketuhanan. Turut juga dibincangkan definisi sains tauhidik menurut pandangan Badiuzzaman Said Nursi. Kesemua topik-topik tersebut akan dibincangkan dengan menggunakan metode analisis tematik. Kesimpulannya makalah ini dapat memberi penjelasan tentang tajdid sains tauhidik Badiuzzaman Said Nursi.

Kata kunci: *Tajdid; Sains tauhidik; Badiuzzaman Said Nursi; Rasail Nur*

ABSTRACT

There are many efforts done by Muslim scholars to revive the glory of Islamic science after engaging a dichotomy of science into naqli knowledge and aqli knowledge. Among those pioneers is Bediuzzaman Said Nursi in the 20th century. He was the Muslim Reformer (mujaddid) who has a lot of contributions needed by Muslim society at that time. The most important thing done by Bediuzzaman Said Nursi was reviving the tauhidic science. Therefore, this article presents Bediuzzaman Said Nursi's approach in developing the tauhidic science such as interconnection between al-Quran, Allah's Messenger, Muhammad (peace be upon him) and the universe. In addition, this article also addresses the relationship between sciences and Asmaul Husna, and the new epistemology developed by Bediuzzaman Said Nursi to connect everything with Allah's Divinity which is al-makna al-ismi and al-makna al-harfi. Moreover, the definition of tauhidic science will be examined further by using the analytic-thematic method. In short, this article will give a clear explanation on the tauhidic science in the light of Bediuzzaman Said Nursi's perspective.

Keywords: *Tajdid; the Tauhidic Science; Badiuzzaman Said Nursi; Rasail Nur*

¹ *Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah/Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Email: widus81@usim.edu.my*

Pengenalan

Badiuzzaman lahir pada awal musim bunga di kampung Nurs, wilayah Bitlis, Anatolia Timur, pada tahun 1293. Bapanya, Mirza, adalah seorang sufi soleh yang sentiasa menjauhi apa sahaja yang diharamkan oleh Syariat sama ada perbuatan ataupun makanan. Oleh itu, ia sentiasa memastikan kehalalan makanan ahli keluarganya. Selain itu, ayah Badiuzzaman Said Nursi juga selalunya menutup mulut haiwan-haiwan peliharaannya dengan kain supaya tidak memakan tanaman-tanaman petani setempat ketika dihantar pulang ke kandang mereka. Ibunya, Nuriye, selalu mengerjakan solat tahajjud, kecuali pada masa-masa yang tidak dobolehkan kerana adanya keuzuran, seperti haid dan seumpamanya. Sang Ibu tidak pernah memberikan air susu kepada anaknya, Said Nursi, kecuali dalam keadaan bersih dan berwuduk (Said Nursi. (2011: 9/36). *Sirah Dzatiyyah*; Jamal al-Banna (2008).

Badiuzzaman Said Nursi adalah tokoh intelektual dan reformer pemikiran Islam yang berusaha keras menentang kesan negatif aliran-aliran kefahaman yang memusuhi Islam, seperti ateisme, positivisme, komunisme dan sekularisme yang menjangkiti kehidupan umat Islam di seluruh dunia, khususnya di Turki ketika itu. Dengan semangat patriotik, beliau menghadapi tekanan pemerintahan Mustafa Kemal Atatürk yang zolim. Oleh itu, Ibrahim M. Abu Rabi' menyatakan bahawa Badiuzzaman Said Nursi sudah sepatutnya ditempatkan pada darjat yang sama dengan para reformis lainnya dalam Islam, seperti Jamaluddin al-Afgani, Sir Ahmad Khan, Muhammad Abduh, Rasyid Rida dan Muhammad Iqbal (Sukran Vahide. (2007: 11).

Oleh itu, penulis melihat bahawa Badiuzzaman Said Nursi adalah sosok intelektual yang mempunyai multi pengetahuan yang bersifat ensiklopedia. Oleh itu, banyak seminar, simposium dan penelitian ilmiah yang dilakukan untuk mengulas pelbagai isu-isu pemikiran dan dakwah beliau (Fordian & Turk Kultur Cemiyeti. (2010: 16).

Maksud Sains Tauhidik yang Sebenarnya

Secara amnya, matlamat Rasail Nur tidak tertumpu kepada pendefinisian sains tauhidik sahaja. Justeru, Rasail Nur lebih menumpukan perhatiannya kepada masalah-masalah ketuhanan, kenabian dan kebenaran hari akhirat yang bertunjangkan dalil-dalil al-Quran, sunnah dan penghayatan manifestasi Asmaul Husna yang terpancar dari kehidupan setiap makhluk di alam semesta ini. Walaupun demikian, definisi sains tauhidik dapat diekstrak daripada pernyataan Badiuzzaman Said Nursi yang berkait dengan sains tauhidik sebagaimana berikut:

Di dalam *al-Matsnawi al-Arabi an-Nuri*, Badiuzzaman Said Nursi (2011: 6/48,288) berkata, “*Setiap sesuatu pada hakikatnya mengandungi ayat yang menunjukkan bahawa Allah itu esa.*”

Pelajar-pelajar *madrasah tsanawiyah* (sekolah menengah) di Kastamonu datang mengadakan perihal sistem pendidikan sekular mereka yang tidak mengajarkan ketuhanan, namun Badiuzzaman Said Nursi (2011: 1/173) di dalam *al-Kalimat* memberikan jawapan yang jelas:

“*Setiap ilmu yang kamu pelajari pada hakikatnya sentiasa mencari Allah dan memberikan pengenalan dan pendedahan mengenai Allah Yang Maha Pencipta dengan bahasa khas mereka. Tumpukan perhatian kamu semua kepada ilmu-ilmu tersebut dan bukan kepada tenaga pengajar.*”

Berasaskan kandungan kedua-dua pernyataan di atas, sains tauhidik dalam erti yang sebenarnya bagi Badiuzzaman Said Nursi adalah sains yang bertuhankan kepada Allah,

bukan sains sekular yang menafikan kewujudan Allah, ataupun yang mengetepikan ilmu-ilmu ketuhanan. Oleh itu, sains apa sahaja yang dapat menghubungkan manusia dengan alam tauhid dalam erti yang sebenarnya adalah bahagian daripada sains Islam.

Objektif Sains Tauhidik Badiuzzaman Said Nursi

Meskipun cara hidup Badiuzzaman Said Nursi bersesuaian dengan karakter kehidupan seorang sufi, tetapi beliau tidak mahu dikatakan sebagai seorang sufi. Ini kerana jalan hidup yang ditempuh Badiuzzaman Said Nursi dalam perjuangannya menyelamatkan akidah umat Islam dan memperkenalkan ilmu-ilmu ketuhanan agak berbeza dengan metode aliran-aliran sufi yang sedia ada. Oleh itu, supaya kedua-dua metode tersebut ketara berbeza, Badiuzzaman Said Nursi (2011) menyatakan perbezaan tersebut, dan pada waktu yang sama beliau juga menyebutkan objektif sains tauhidiknya:

“Jalan hidup kami adalah iman dan tasdiq (menyatakan kebenaran atas perkara-perkara keimanan). Ianya bukan jalan hidup para sufi yang sememangnya adalah ma’rifah dan tasawwur (sesuatu gambaran, tanggapan minda, ataupun pemikiran terhadap perkara-perkara keimanan). Oleh itu, kata kunci jalan hidup kami adalah:

“Tasdiq dan bukan tasawwur,

Iman dan bukan taslim (penyerahan semata tanpa mengetahui erti iman yang sebenarnya),

Tahkik (mengetahui perkara dalam hakikat yang sebenarnya selepas melakukan pembacaan dan analisis) dan bukan taklid,

Kesaksian dan penyaksian, bukan sekedar ma’rifah (pengetahuan semata),

Ketaatan dengan suka hati, bukan tunduk dengan terpaksa,

Hidup di atas hakikat, bukan tasawwuf,

Hidup dengan dalil yang valid dari setiap dakwah dan bukan sekedar mengaku atau mengklaim tanpa dalil.” (Al-Maktubat: 2/476)

Pernyataan ini merupakan jawapan dari soalan salah satu muridnya yang menanyakan rahsia kesan luar biasa kitab *al-Kalimat* (salah satu juzuk daripada Rasail Nur) yang kandungannya merupakan inti pati makna daripada al-Quran. Kesan seperti ini jarang dijumpai di dalam tulisan-tulisan para ahli makrifat dan *mufasssir*. Kesan satu baris daripada kandungan *al-Kalimat* adalah setanding dengan kesan satu muka surat atau lebih, dan satu muka surat *al-Kalimat* adalah setanding dengan kesan satu kitab yang sempurna (*Al-Maktubat: 2/476*).

Dari pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa objektif sains tauhidik Badiuzzaman Said Nursi adalah bermatlamat ukhrawi, iaitu hidup di atas nilai-nilai keimanan dengan *tasdiq*, mengetahui sebenar-benarnya perkara ketauhidan dengan *tahkik*, menyaksikan keindahan Sang Pencipta, kesempurnaan, keagungan dan seluruh sifat-sifat suci yang dimiliki-Nya dengan *bertafakkur*, menyatakan rasa kagum, cinta dan rindu untuk sentiasa menunjukkan kehambaan mutlak dan mendapatkan kurnia rahmat-Nya.

Oleh itu, objek sains tauhidik Badiuzzaman Said Nursi merangkumi alam semesta dan isinya tanpa terkecuali. Menurut Amid Syimsyik (2012) dalam tulisannya *“Ushul at-Tafakkur fi Rasail Nur* (Ms. 30) yang diterbitkan oleh *Jurnal al-Nur for Academic Studies on Thought and Civilization*, pendekatan ini selari dengan metode al-Quran dalam memperkasakan hakikat-hakikat keimanan yang melibatkan semua komponen alam dan kehidupan sebagai dalil-dalil ketauhidan mahupun sebagai jendela keimanan, seperti burung-burung, haiwan-haiwan ternak, awan, gunung, laut, anggur, kurma, zaitun, semut, lebah, lalat,

bulan, matahari, ikan, tulang-tulang yang hancur, buah-buahan yang masak dan yang belum masak, mata dan telinga dan sebagainya.

Oleh kerana itu, Badiuzzaman Said Nursi menunjukkan perhatian yang tinggi terhadap haiwan, bahkan kadang menegur muridnya dengan keras yang terjumpa tidak mengambil berat hak-hak objek sains tauhidik ini yang sememangnya adalah bahan tafakur yang sepatutnya dihargai. Sebagai bukti, Said Nursi menitik berat keselamatan komuniti serangga yang direkod dalam dialog inter-aktif beliau dengan muridnya, Sulaeman Rusydi sebagaimana berikut:

“Tatkala misi komuniti serangga bersayap yang terbang akan menghilang di penghujung musim gugur, sebahagian orang meraikan musim sejuk kerana ianya adalah cara terbaik melepaskan diri dari gangguan serangga ini. Sikap tidak bersahabat ini amat mengacaukan hatiku dan memberi kesan yang dalam. Itu kerana jenis serangga ini jumlahnya bertambah banyak meski bahan-bahan kimia telah digunakan untuk membasmi populasinya. Di bilik saya dalam penjara terbentang tali jemuran pakaian, namun sekelompok serangga dari jenis ini hinggap di atas tali itu dan mengambil barisan yang indah. Oleh itu, saya berkata kepada Sulaeman Rusydi, “Jangan kacau haiwan-haiwan cantik ini. Keringkan pakaian itu di tempat lain!” Sulaeman menjawab, “Kita amat memerlukan tali ini, cukuplah serangga itu yang mencari tempat lain!””

Kerana dialog inilah, terbuka pintu kajian tentang hakikat wujud serangga, lebah dan haiwan-haiwan yang sejenis.

Sesungguhnya jenis-jenis haiwan seperti ini yang bertambah populasinya dengan begitu cepat memiliki fungsi dan misi. Jika satu kitab dicetak beberapa kali kerana nilai yang ia miliki, demikian halnya dengan jenis serangga tertentu yang memiliki fungsi, misi dan nilai besar, sehingga Si Pencipta Yang Maha Bijak memperbanyak populasi mereka yang sememangnya bahagian dari risalah dan kalimat kudrat Ilahi.

Ya. Jenis serangga ini sentiasa membersihkan muka, mata dan sayapnya setiap waktu, ia seperti berwuduk, sehingga ianya pun mendapat tempat khas dalam ayat 73 Surah al-Haj:

(يَا أَيُّهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَاذْتَمِعُوا لَهُ ۗ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوْ اجْتَمَعُوا لَهُ ۗ وَإِنْ يَسْأَلْهُمْ الذُّبَابُ شَيْئًا لَّا يَسْتَفِيدُوهُ مِنْهُ ۗ ضَعُفَ الطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ).

Maksudnya:

“Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenai dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya) dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya).”

Maksudnya, apa yang didakwa oleh para pengikut sesat bahawa di sana ada ketuhanan selain ketuhanan Allah adalah batal. Andaikan mereka bermufakat untuk menciptakan seekor serangga, dipastikan mereka tidak mampu. Sesungguhnya penciptaan serangga adalah mukjizat rabbani dan tanda penciptaan yang amat besar. Seandainya semua asbab (kemungkinan) manusia dihadirkan untuk menciptakan mukjizat rabbani ini,

tentulah mereka lemah dan tidak dapat menandinginya ataupun mendatangkan ciptaan yang sama. Mukjizat ini telah memusnahkan Namrud dan menguatkan hikmah penciptaannya dari ribuan bantahan. Tatkala Nabi Musa mengadakan serangga yang mengusik, “Wahai Tuhanku, kenapa engkau memperbanyak populasi makhluk seperti ini yang suka mengacau?” Allah menjawab, “Engkau telah mempersoalkan wujud serangga ini, padahal ia selalu berdo’a, “Wahai tuhanku! Sesungguhnya manusia itu yang memiliki kepala besar tidak menyebut-Mu kecuali dengan satu lidah, bahkan ia kadang melupakan-Mu, seandainya Engkau menciptakan makhluk seperti kami yang besarnya seperti kepala manusia, maka beribu-ribu makhluk akan sentiasa mengingat-Mu.”

Selain itu, serangga sentiasa peduli kepada lingkungan persekitaran dan kebersihan. Dia nampak selalu membersihkan wajah, mata dan sayapnya seperti orang yang berwuduk. Dipastikan jenis serangga ini mempunyai misi penting dan suci, namun hikmah dan ilmu manusia kadang kala tidak mampu menangkapnya.

Allah telah menciptakan sebahagian haiwan buas untuk memakan daging (karnivor) seakan-akan mereka adalah petugas kebersihan yang diperintahkan untuk membersihkan wajah dunia dari kotoran (Al-Lama’at: 3/411-414).

Idea Pembaharuan (Tajdid) Sains Tauhidik Badiuzzaman Said Nursi

Bertitik tolak dari sinilah, Badiuzzaman Said Nursi melihat sangat perlu adanya pembaharuan dalam kerangka sains tauhidik sebagaimana berikut:

1) Pertama: pandangan kepada al-Quran, alam semesta dan Rasulullah S.A.W serta hubung kait di antara mereka.

Pada peringkat awal, Badiuzzaman Said Nursi (2011) menyatakan bahawa terdapat tiga pentakrif besar yang akan menjelaskan hakikat ketuhanan, iaitu kitab alam semesta, ayat kubra bagi alam semesta ini, iaitu Baginda Rasulullah S.A.W. dan yang ketiga adalah al-Quran (*Al-Maktubat: 2/241*). Ketiga-tiga pentakrif ini mempunyai hubung kait dalam pandangan sains tauhidik Said Nursi sebagaimana berikut:

a) Definisi al-Quran dan hubung kaitnya dengan alam semesta

Definisi al-Quran yang dikongsikan Badiuzzaman Said Nursi jauh berbeza dengan definisi klasik para Ulama yang mendefinisikan al-Quran dengan, “Kalam Allah yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w., diperintahkan bacaannya, semuanya mengandungi mukjizat meskipun kemukjizatanannya datang dari surah yang paling pendek.” (At-Thayyar, Musaid bin Sulaiman. (2008). *Al-Muharrar fi Ulum al-Quran*. Ms. 22)

Bagi Badiuzzaman Said Nursi, definisi al-Quran merangkumi sifat-sifat al-Quran, matlamat, kandungan, kepelbagaian ilmu dan adab-adab mulia bermuamalah dengan al-Quran sama ada ketika membacanya ataupun *mentadabbur* ayat-ayatnya. Dengan panjang lebar beliau menjelaskan:

*“Al-Quran adalah terjemah azali kitab makro makhluk hidup...
Penterjemah abadi yang membacakan ayat-ayat penciptaan...
Pentafsir kitab alam gaib dan alam nyata...”*

Pelita yang paling bercahaya dalam memberikan keterangan kepada rahsia makna-makna asmaul husna di sebalik lembaran-lembaran langit dan bumi...

*Kunci pelbagai hakikat perkara gaib dari apa yang telah berlaku...
Khazanah kalam ilahi yang datang dari alam gaib di sebalik tabir alam nyata ini (dunia)...
Matahari alam maknawi Islam, asas dan juruteranya...
Peta suci alam-alam ukhrawi...
Penghurai, Pentafsir, dan penyokong kuat yang membuktikan kewujudan yang pasti mengenai zat Allah dan sifat-sifat-Nya...
Murabbi alam kemanusiaan...
Dia seperti air dan cahaya bagi kelangsungan agama Islam...
Dia adalah hikmah yang sebenarnya bagi manusia..
Mursyid Baginda Rasulullah S.A.W. dalam menghantar manusia menggapai kebahagiaan yang sebenarnya...
Sebagaimana ia adalah kitab syariat, ia pun adalah kitab hikmah...
Sebagaimana ia adalah kitab doa dan kitab ubudiyah (mengkongsikan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehambaan), ianya juga kita perintah dan dakwah...
Dia bukan hanya kitab zikir, tetapi juga kitab yang mengajak kepada tafakkur...
Dia adalah kitab satu-satunya yang melingkungi semua kitab terdahulu...
Dia adalah panduan manusia dalam memperolehi hajat-hajat maknawi mereka...
Dia adalah kitab yang memberikan pencerahan kepada para wali, siddiq (orang-orang jujur), cendekiawan dan para pakar tahkik (analisis) mengenai risalah Islam yang sememangnya bersesuaian dengan kehidupan mereka.
Dia adalah kitab samawi yang ditamsilkan seperti perpustakaan yang mengandungi ramai kitab dengan pelbagai jenis yang berbeza.” (Said Nursi. (2011). *Isyarat al-I’jaz*. Ms. 21)*

Dengan merujuk definisi al-Quran di atas, diketahui hubung kait di antara al-Quran dan alam semula jadi. Secara amnya, Said Nursi melihat hubung kait di antara kedua-duanya adalah:

Pertama: al-Quran adalah bacaan berterusan yang telah banyak mengungkap rahsia alam semesta.

Kedua: al-Quran adalah ruh kehidupan bagi alam semesta dan isinya. Pada noktah kedua ini, Badiuzzaman Said Nursi melihat alam semesta sebagai manusia besar yang mana ruhnya adalah wahyu al-Quran. Jika sekiranya al-Quran diasingkan daripada kehidupan alam semesta, maka alam dan isinya dipastikan akan menggila dan musnah. Badiuzzaman Said Nursi berkata,

*“Betul... betul... betul! Jika cahaya risalah muhammadiyah memisahkan diri dari alam, maka alam semestinya akan musnah dan begitu juga dengan makhluk hidup yang ada di dalamnya. Jika al-Quran tidak menampakkan diri dan pergi meninggalkan alam, semestinya ia akan dijangkiti kegilaan dan bola bumi akan hilang keseimbangan dan akhirnya bertembung atau melanggar salah satu planet angkasa dan kiamat pun tiba.” (Said Nursi. (2011). *Al-Kalimat*: 1/117)*

Syukran Wahidah (2010: Ms. 79) yang mengkaji pandangan Said Nursi tentang alam semesta menarik kesimpulan bahawa terdapat hubung kait antara al-Quran dan alam semesta. Alam semesta memerlukan al-Quran supaya hakikatnya dapat difahami dengan jelas. Ini kerana makna hakiki daripada kewujudan alam semesta tidak akan dapat difahami kecuali dengan penjelasan al-Quran. Al-Quran dengan ayat-ayatnya yang berkait dengan kejadian-kejadian alam semula jadi, sistemnya dan segala perubahan yang berlaku di dalamnya

menjadi pentafsir, penerjemah dan penerjemah hakikat alam semesta. Oleh itu, alam semesta menyatakan hakikat yang sama dengan hakikat yang dinyatakan al-Quran. Semuanya datang daripada Allah; al-Quran berasal dari sifat kalam Allah dan alam semesta adalah manifestasi sifat kudrat Allah.

b) Hakikat Baginda Rasulullah S.A.W dan hubung kaitnya dengan kehidupan makhluk-makhluk Allah di alam semesta

Bagi Badiuzzaman Said Nursi (2011), Baginda Rasulullah S.A.W. adalah pohon nurani yang:

- Semua nabi adalah akar hidupnya.
- Semua wali adalah buah-buah ranumnya.
- Setiap nabi yang bersandar kepada mukjizat-mukjizat mereka dan sekalian wali yang bergantung kepada karomah mereka membenarkan dan memperakui dakwah Baginda” (*Al-Matsnawi al-Arabi an-Nuri: 3/31*).

Seterusnya, Baginda Rasulullah S.A.W menurut Nursi adalah imam kepada semua ahli iman, *khatib* kepada seluruh manusia, ketua sekalian nabi, penghulu segala wali dan pemimpin *halaqah zikir* yang terdiri dari seluruh nabi dan wali (*Al-Maktubat: 2/242*).

Kerana keistimewaan dan kemuliaan peribadi Baginda, maka muka bumi adalah masjidnya, Makkah adalah mihrabnya dan Madinah adalah mimbarinya (Said Nursi. (2011). *Al-Maktubat: 2/242*)

c) Hakikat alam semesta dalam pandangan sains tauhidik Said Nursi

Bagi Badiuzzaman Said Nursi (2011), alam semesta ibarat kitab makro yang bahagian-bahagiannya ditamsilkan sebagaimana berikut:

- Juz: bumi
- Peralihan muka surat: pertukaran musim
- Muka surat: muka bumi
- Ayat: Peristiwa dan kejadian
- Baris: Urutan peristiwa
- Kalimah: Pokok
- Huruf: buah
- Noktahnya adalah bijih benih (*Al-Lamaat: 3/433*)

Adapun bumi secara khas, Badiuzzaman Said Nursi (2011) dengan pendekatan sains tauhidik ini melihat bumi seperti kebun molek yang mengandungi pelbagai keindahan:

- Keindahan *ar-rahimiyah* (rahmat Yang Maha Penyanyang) yang memberi makan dan minum kepada anak-anak makhluk hidup dengan air susu ibu mereka.
- Keindahan *ar-rahmaniyah* (rahmat Yang Maha Pengasih) yang mengurniakan rezeki kepada semua makhluk hidup.
- Keindahan *al-hakimiyah* (Yang Maha Bijak) yang menciptakan makhluk-makhluk dengan hikmah dan menjadikan mereka saling terkait antara satu sama lain.
- Keindahan *al-hafidsiyah* (rahmat Yang Maha Menjaga) yang membekali setiap makhluk organ-organ tubuh yang diperlukan untuk menjaga perjalanan hidup mereka.
- Keindahan *al-karimiyah* (Yang Maha Pemurah) yang mencucuri semua makhluk dengan kurnia-Nya yang bersesuaian dengan fitrah keperluan mereka (*As-Syuaat: 4/84*)

Oleh itu, Semua komponen alam –berdasarkan ilustrasi Said Nursi- menunjukkan

dengan lisan fitrah penciptaan mereka kepada satu hakikat, iaitu *rububiyah* Sang Maha Pencipta, Maha Bijak, Yang Maha Esa.

Badiuzzaman Said Nursi berkata, “Sebagaimana sifat kalam memberikan takrifan kepada zat yang paling mulia dengan wasilah wahyu dan ilham, demikian juga dengan sifat kudrat yang memberikan takrifan kepada zat yang maha tinggi lagi mulia dengan hakikat al-Quran. Dengan ini, makhluk-makhluk Allah adalah pentafsir-pentafsir ayat-ayat al-Quran.” (*As-Syuaat*: 4/178)

2) Kedua: Hubung kait sains dan *Asmaul Husna* dalam kerangka sains tauhidik Nursi

Menurut Nursi, Setiap ilmu memiliki hakikat yang mana kesempurnaan hakikatnya akan tercapai jika ia memiliki hubung kait dengan *Asmaul Husna*.

Badiuzzaman Said Nursi berkata:

“Segala pencapaian manusia daripada ilmu, kecanggihan teknologi dan produk-produk berimpak tinggi tersirat dalam isyarat pendidikan ayat 31 Surah Al-Baqarah:

(وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا)

“Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan kegunaannya.”

Pernyataan mulia ini mencakupi rumusan praktik yang luar biasa. Iaitu segala sesuatu yang sempurna sama ada ianya adalah ilmu, teknologi dan seni dipastikan memiliki hakikat suci yang tinggi. Setiap hakikat ilmu mestilah bersandarkan kepada *Asmaul Husna*. Dengan bersandarkan kepada *Asmaul Husna* yang mempunyai pelbagai manifestasi yang amat luas, setiap ilmu dan reka cipta manusia akan menemukan kesempurnaan sejati dan akan menjadi sesuatu hakikat yang nyata. Jika perkaranya tidak sedemikian, maka setiap ilmu akan terputus, redup dan tidak kuat memberikan cahaya kehidupan.

Kejuruteraan –contohnya- adalah ilmu, hakikat dan matlamatnya adalah melahirkan kefahaman yang baik terhadap nama ‘Al-Adl,’ Yang Maha Adil dan ‘Al-Muqaddir,’ Yang Maha Menyukat, Maha Menentukan dan Maha Mengatur. Selanjutnya, hakikat ilmu kejuruteraan dapat digunakan sebagai wasilah mulia dalam menyaksikan manifestasi kedua-dua nama Allah tersebut dengan segala keagungan dan kemuliaan mereka di dalam cermin maknawi ilmu kejuruteraan.

Perubatan –contohnya- adalah ilmu, kemahiran dan profesionalisme pada waktu yang sama. Hakikat ilmu ini bersandarkan kepada nama ‘As-Syafi,’ Yang Maha Penyembuh. Jika ilmu ini sudah dihubungkan dengan ‘As-Syafi’, maka ia akan mencapai kesempurnaan dan memiliki hakikat yang sebenarnya. Oleh itu, kita dapat memahami sifat kasih sayang Allah yang sebenarnya sebagai ‘as-Syafi’ melalui pendekatan ubat-ubatan yang terhampar di atas permukaan bumi yang ditamsilkan sebagai farmasi terbuka yang amat luas terbentang.

Ilmu-ilmu yang mencari hakikat segala zat yang mempunyai wujud fizikal –seperti fizik, kimia, flora dan fauna- akan benar-benar menjadi hikmah yang sebenarnya ketika mereka dapat menghantar manusia menemukan manifestasi nama Allah ‘Al-Hakim,’ Yang Maha Bijak. Kefahaman kepada manifestasi ini dapat dilihat dalam bentuk tadbir, tarbiyah dan pemeliharaan. Dengan melihat manifestasi-manifestasi ini dalam manfaat segala sesuatu dan masalah yang dapat mereka kongsi, ilmu-ilmu tersebut akan menjadi hikmah dalam erti yang sebenarnya. Maksudnya, dengan bersandarkan kepada nama ‘Al-Hakim’, ilmu-ilmu tersebut akan menjadi hikmah yang nyata. Jika perkaranya tidak sedemikian, ilmu-ilmu

tersebut dapat membawa manusia kepada khurafat dan kesesatan serta akan menjadi sia-sia seperti yang berlaku di dalam falsafah naturalisme.” (Al-Kalimat: 1/290-291)

Nampak jelas dari pernyataan di atas bahawa sains yang tidak dikaitkan dengan *Asmaul Husna* tidak dapat menjana nilai-nilai spiritual dan ketuhanan. Justeru dunia pendidikan sekarang amat perlu kepada nilai-nilai ini. Jika sekiranya nilai-nilai tersebut diabaikan, maka sains hanya mewariskan ilmu sekular semata yang terasing dari semangat spiritual pendidikan Islam yang mengintegrasikan sains dan ilmu-ilmu wahyu.

Kenapa Sains sangat perlu dikaitkan dengan *Asmaul Husna*?

Kerana setiap sifat Allah dalam *Asmaul Husna* adalah bukti kuat yang membenarkan hari akhirat. Oleh itu, sains yang dikaitkan dengan *Asmaul Husna* dalam sistem pendidikan sains tauhidik akan melahirkan graduan-graduan yang holistik, seimbang dan berpandangan luas. Menjelaskan perkara ini, Badiuzzaman Said Nursi berkata, “*Setiap manifestasi Asmaul Husna yang dimiliki Allah, pencipta alam semesta, yang nampak jelas di semua penjuru alam memerlukan kewujudan alam lain yang kekal, iaitu wujud kehidupan akhirat.*” (Al-Kalimat: 1/217)

Alasan lain di sebalik keperluan kepada hubung kait sains dengan *Asmaul Husna* adalah menggapai kebahagiaan hakiki.

Menjelaskan perkara ini, Badiuzzaman Said Nursi berkata, “*Kebahagiaan hidup kalian yang sempurna akan tercapai jika sekiranya kalian dapat merasakan dan mencintai manifestasi-manifestasi Asmaul Husna yang nampak di cermin kehidupan kalian. Justeru kalian sepatutnya merindukan manifestasi-manifestasi tersebut dan berusaha mengaplikasikan makna-makna spiritual yang dikongsikan ke dalam kehidupan seharian kalian sehingga mereka seakan-akan nampak di kedua bola mata kalian.*” (Al-Kalimat: 1/135)

3) Ketiga: *Makna ismi* dan *makna harfi*: epistemologi baharu dalam kerangka sains tauhidik Badiuzzaman Said Nursi

Menurut Badiuzzaman Said Nursi, segala sesuatu mempunyai makna sama ada makna itu adalah *makna ismi* mahupun *makna harfi*. *Makna ismi* adalah makna nominal setiap benda sebagai material yang wujud yang tidak mengisyaratkan kepada kewujudan Tuhan. Sementara *makna harfi* adalah makna indikatif yang dimiliki setiap benda yang mengisyaratkan kewujudan Allah sebagai Tuhan. Ertinya, dengan *makna harfi*, setiap benda dilihat sebagai tanda dan manifestasi Tuhan.

Metodologi ini merupakan inti pemikiran epistemologi baharu Badiuzzaman Said Nursi dalam kerangka tajdid sains tauhidik. Pandangan ini selari dengan konsep ketuhanan al-Quran dalam mengamati realiti benda sebagai sesuatu yang memiliki makna indikatif (*makna harfi*). Semua benda di dunia memperlihatkan adanya Sang Pencipta. Keteraturan alam, misalnya, merupakan tanda adanya wujud Tuhan yang Maha Kuasa. Setiap benda memiliki makna tersirat dalam dirinya. Benda tidak memiliki makna atau eksistensi diri kecuali apa yang terselubung dalam dirinya yang merefleksikan sifat-sifat ketuhanan.

Menjelaskan perkara di atas Badiuzzaman Said Nursi (2011) mengambil contoh *makna ismi* dan *makna harfi* diri manusia:

“*Hakikat diri manusia -yang digambarkan Nursi dengan pendekatan ‘Ana (أنا)’ yang ertinya ‘aku’ - adalah kunci yang dapat membuka rahsia-rahsia ketuhanan.*

Menjaga kesucian diri adalah amanah yang Allah letakkan dalam tangan manusia yang digambarkan dengan 'Ana (أنا)'.

Diri manusia dengan gambaran 'Ana (أنا)' adalah alat ukur untuk mengetahui sifat-sifat rububiyah dan uluhiyah Allah.

Dengan alat ukur ini, seorang hamba akan berkata, "Sebagaimana aku adalah pemilik rumah ini, dipastikan wujud Sang Pencipta yang memiliki alam semesta ini ... sebagaimana aku memiliki ilmu yang terhad, Di sana pasti wujud Tuhan yang Maha Mengetahui yang tidak terhad ilmu-Nya... sebagaimana aku mempunyai kemahiran yang bersifat parsial (juz'i) yang membolehkan aku melakukan banyak perkara, Di sana pasti ada Sang Pencipta yang memiliki ciptaan yang sempurna lagi indah dan tidak ada bandingannya."

Dengan pendekatan gambaran 'Ana (أنا)', seorang hamba akan berkata, "Sebagaimana aku membangunkan rumah ini dan mentadbir perkara-perkara yang ada di dalamnya, demikian pula dengan dunia ini yang dipastikan memiliki arkitek dan pentadbir yang begitu sempurna merancang dan mentadbirnya, itulah Allah."

Ana (أنا) tidak memiliki makna pada hakikatnya, namun ia memberi makna kepada yang lain. Ia seperti cermin yang membiaskan cahaya, alat ukur dan kompas kehidupan.

Ana (أنا) adalah mizan yang menjelaskan sifat-sifat mutlak Allah yang menyeluruh, seperti alat pengukur suhu yang mengukur darjat panas dan sejuk. (Al-Kalimat: 1/625-628)

Orang-orang yang mengetahui hakikat Ana (أنا) dengan huraian seperti di atas akan masuk dalam kategori orang-orang yang mendapat kabar baik daripada firman Allah S.W.T. di dalam ayat 9 Surah As-Syams: (فَدَأْفَلَحَ مِنْ زَكَاةَا) yang bermaksud, "Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)." Di samping itu, mereka juga telah menunaikan amanah dengan sempurna. Sebab itulah, mereka mengenal pasti hakikat setiap makhluk dan misi mereka dalam kehidupan ini."

Rumusan

Secara kesimpulannya, sains tauhidik Badiuzzaman Said Nursi melihat perlu adanya hubungan kait antara al-Quran sebagai *al-kitab al-maqr'u* (kita yang dibaca), Rasulullah S.A.W sebagai *al-kitab an-natiq* (kitab yang bertutur) dan alam semesta sebagai *kitab al-kainat* (kitab yang mengandungi rahsia-rahsia pelbagai makhluk). Sains tauhidik Badiuzzaman Said Nursi juga melihat perlu adanya hubungan kait antara sains dan *Asmaul Husna* dan ia dapat mengaitkan setiap benda yang berwujud dengan alam ketuhanan dengan pendekatan *makna harfi*.

Penghargaan

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah:

- 1) Skim Geran Penyelidikan Fundamental (NRGS) dengan kod: USIM/NRGS_PROGRAM/8400/521. Tajuk penyelidikan: **"A Study of Preservation of Health According to Malay Manuscript."**
- 2) Geran penyelidikan jangka pendek USIM dengan kod: PPP/USG-0115/FPQS/30/10715. Tajuk Penyelidikan: **"A New Approach of The Quran Contextual Meaning Based on Makkiy and Madaniy For The Word Sama"**

Rujukan

Al-Quran

- Amid Syimsyik (2012). *Ushul at-Tafakkur fi Rasail Nur*. Jurnal “al-Nur for Academic Studies on Thought and Civilization”. Vol. 6.
- Badiuzaman Said Nursi. (2011). *Al-Kalimat*. Tahkik Ihsan Qasih as-Sahlihi: Kaherah: Sozler. Cet. 6.
- Badiuzaman Said Nursi. (2011). *Al-Lamaat*. Tahkik Ihsan Qasih as-Sahlihi: Kaherah: Sozler. Cet. 6.
- Badiuzaman Said Nursi. (2011). *Al-Maktuibat*. Tahkik Ihsan Qasih as-Sahlihi: Kaherah: Sozler. Cet. 6.
- Badiuzaman Said Nursi. (2011). *Al-Matsnawi al-Arabi an-Nuri*. Tahkik Ihsan Qasih as-Sahlihi: Kaherah: Sozler. Cet. 6.
- Badiuzaman Said Nursi. (2011). *As-Syuaat*. Tahkik Ihsan Qasih as-Sahlihi: Kaherah: Sozler. Cet. 6.
- Badiuzaman Said Nursi. (2011). *Isyarat al-I'jaz fi Madzani al-I'jaz*. Tahkik Ihsan Qasih as-Sahlihi: Kaherah: Sozler. Cet. 6.
- Badiuzaman Said Nursi. (2011). *Sirah Dzatiyyah*. Tahkik Ihsan Qasih as-Sahlihi: Kaherah: Sozler. Cet. 6.
- Fordian & Turk Kultur Cemiyeti. (2010). *Visi Emansipatoris al-Quran Perspektif Said Nursi*. Kaherah: Sozler. Cet. 1.
- Jamal al-Banna. (2008). *Al-Mujaddidun Fi al-Islam*. Diterbitkan oleh surat kabar el-Masry el-Yom pada tarikh 15 September 2008 dalam edisi 1565.
- Musaid bin Sulaiman bin Nashir at-Thayyar. *Al-Muharrar fi Ulum al-Quran*. Markaz ad-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyah bi Ma'had al-Imam as-Syatibi. Cet. 1: 2008. Ms. 22
- Sukran Vahide. (2007). *Biografi Intelektual Bediuzzaman Said Nursi*. Jakarta: Anatolia. Cet. 1.
- Syukran Wahidah. (2010). *Kitabul Kawn, Qiraatuh, wa Mawqiuuh, wa Tathawwuruh fi Fikr Badiuzzaman*. Jurnal al-Nur for Academic Studies on Thought and Civilization.